



## SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 11/20/11

Untuk siaran segera

### Pemberian Dana Tambahan untuk PKS yang Terjejas Akibat COVID-19

Bank Negara Malaysia (BNM) ingin memberikan maklumat lanjut tentang pelaksanaan dua dana seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2021 oleh Menteri Kewangan.

**(i) Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (*Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF*)**

Kemudahan pinjaman bernilai RM2 bilion ini adalah untuk membantu PKS yang layak dalam sektor perkhidmatan. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan bagi tujuan modal kerja sehingga RM500,000 untuk tempoh sehingga 7 tahun, termasuk moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan. Kemudahan ini ditawarkan pada kadar sehingga 3.5% setahun dan boleh diperoleh melalui 21 institusi kewangan peserta, dengan perlindungan jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) atau Credit Guarantee Corporation (CGC). Kemudahan ini tersedia **sehingga 31 Disember 2021 atau setelah peruntukan digunakan sepenuhnya (mana yang lebih awal)**.

PKS yang merupakan penerima Kemudahan Bantuan Khas (Special Relief Facility, SRF), Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing, PTF) dan Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing, PSF) tidak layak memohon TRRF. Bagi PKS dalam subsektor perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan, bantuan terus tersedia di bawah PTF.

**(ii) Kemudahan Perusahaan Mikro (*Micro Enterprises Facility, MEF*)**

Jumlah peruntukan bagi kemudahan ini telah ditambahkan nilainya daripada RM300 juta kepada RM410 juta, dengan baki peruntukan yang tersedia sebanyak RM200 juta. Kemudahan MEF ini telah ditambah baik untuk meningkatkan akses perusahaan mikro kepada kredit, yang merangkumi individu yang bekerja sendiri, pekerja sambilan (gig workers) yang menggunakan platform digital dan peserta program iTEKAD<sup>1</sup>. Perusahaan mikro yang layak boleh mendapatkan pembiayaan untuk tujuan modal kerja dan perbelanjaan modal sehingga RM50,000. Kadar pembiayaan akan ditetapkan oleh institusi kewangan peserta. Untuk kemudahan ini, institusi

<sup>1</sup> iTEKAD yang dilancarkan pada bulan Mei 2020 adalah program kewangan sosial yang menyediakan (i) latihan dan bimbingan berstruktur tentang keusahawanan dan pengurusan kewangan; (ii) pendanaan bagi pemerolehan aset (daripada zakat, wakaf tunai dan sumbangan); dan/atau (iii) akses kepada pembiayaan mikro. Program ini bertujuan untuk memperkasa usahawan mikro daripada segmen B40 supaya dapat menjana pendapatan yang lebih mampan dan seterusnya menyumbang semula kepada masyarakat.

kewangan peserta juga boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada CGC atau SJPP.

Untuk memohon TRRF, PKS yang berminat boleh memohon terus kepada institusi kewangan peserta, yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM, menerusi laman sesawang mereka atau dengan melawati cawangan-cawangan institusi kewangan peserta. Bagi MEF, perusahaan mikro yang berminat boleh memohon terus kepada institusi kewangan peserta di bawah Skim Pembiayaan Mikro.

Butiran mengenai Kemudahan Teknologi Tinggi (HTF) akan dimumkan pada 15 Disember 2020.

Orang ramai boleh menghubungi BNMTELELINK bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan penyelesaian untuk sebarang isu yang mungkin dihadapi dengan bank mereka pada waktu yang mencabar ini melalui [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my) or 1-300-88-5465.

Maklumat lanjut mengenai ciri-ciri kemudahan pembiayaan yang dinyatakan di atas terkandung di lampiran 1, 2 & 3 dan boleh didapati di [www.bnm.gov.my/covid19/](http://www.bnm.gov.my/covid19/).

**Bank Negara Malaysia**  
**1 Disember 2020**

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919  
Web: [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

## Ciri-ciri Kemudahan Pembiayaan BNM yang Baharu dan Ditambah Baik bagi Membantu PKS Malaysia

	Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)	Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)
<b>Peruntukan</b>	RM2 bilion	RM410 juta
<b>Objektif</b>	Menyediakan bantuan dan sokongan pemulihan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas akibat pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan sejak bulan Jun 2020	Meningkatkan akses kepada pembiayaan mikro tanpa cagaran untuk perusahaan mikro
<b>Kelayakan</b>	PKS* Malaysia dalam sektor perkhidmatan yang terjejas akibat pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak bulan Jun 2020, kecuali untuk subsektor pelancongan dan subsektor berkaitan dengan pelancongan	Perusahaan mikro** Malaysia dan individu yang bekerja sendiri, termasuk pekerja sambilan ( <i>gig workers</i> ) yang menggunakan platform digital dan peserta program iTEKAD
<b>Tujuan</b>	Modal kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan modal; atau/dan</li> <li>• Modal kerja</li> </ul>
<b>Kadar Pembiayaan</b>	Sehingga 3.50% setahun (termasuk sebarang yuran jaminan)	Ditetapkan oleh institusi kewangan peserta
<b>Jumlah pembiayaan maksimum</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM500,000 bagi setiap PKS</li> <li>• RM75,000 bagi setiap perusahaan mikro</li> </ul>	RM50,000 bagi setiap perusahaan mikro atau pekerja sambilan ( <i>gig worker</i> ) bagi setiap institusi kewangan peserta
<b>Tempoh maksimum</b>	7 tahun, termasuk moratorium ke atas ansuran bulanan sekurang-kurangnya selama 6 bulan	5 tahun
<b>Tempoh Memohon</b>	1 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2021 atau sehingga habis digunakan (mana yang lebih awal)	Bermula 1 Disember 2020

\*Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan.

\*\*Berdasarkan definisi perusahaan mikro warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia dengan pemegangan sekurang-kurangnya 51% dalam perusahaan mikro.

## Lampiran 2

### **Institusi Kewangan Peserta untuk Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (*Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF*)**

1. Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad
3. Ambank (M) Berhad / AmBank Islamic Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank Islam Malaysia Berhad
6. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. Bank of China (Malaysia) Berhad
9. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
10. Bank Simpanan Nasional
11. CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad
12. HSBC Bank Malaysia Berhad / HSBC Amanah Malaysia Berhad
13. Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank Berhad
14. Malayan Banking Berhad / Maybank Islamic Berhad
15. MBSB Bank Berhad
16. OCBC Bank (Malaysia) Berhad / OCBC Al-Amin Bank Berhad
17. Public Bank Berhad / Public Islamic Bank Berhad
18. RHB Bank Berhad / RHB Islamic Bank Berhad
19. Small Medium Enterprise Development Bank Berhad (SME Bank)
20. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
21. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

**Institusi Kewangan Peserta untuk Kemudahan Perusahaan Mikro  
(*Micro Enterprises Facility, MEF*)**

1. Ambank (M) Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. Bank Islam Malaysia Berhad
4. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
5. Bank Muamalat Malaysia Berhad
6. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
7. Bank Simpanan Nasional
8. CIMB Bank Berhad
9. Malayan Banking Berhad
10. Public Bank Berhad
11. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad



## Dana BNM untuk PKS: Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)

### Objektif

Meningkatkan akses kepada pembiayaan tanpa cagaran untuk perusahaan/ usahawan mikro, termasuk individu yang bekerja sendiri dan pekerja sambilan (gig workers) yang menggunakan platform digital.

### Ciri-ciri Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)

Kriteria kelayakan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perusahaan mikro* mengikut definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK); atau</li><li>• Usahawan mikro Malaysia termasuk individu yang bekerja sendiri, pekerja sambilan (gig workers) yang menggunakan platform digital dan peserta program i-TEKAD</li></ul> <p>Pembiayaan akan ditawarkan di bawah Skim Pembiayaan Mikro tanpa cagaran. Sila memohon terus kepada institusi kewangan peserta di bawah Skim Pembiayaan Mikro (<a href="http://www.bnm.gov.my/index.php?rp=180620_pmikro+comparativetable">www.bnm.gov.my/index.php?rp=180620_pmikro+comparativetable</a>)</p>
Tujuan pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Modal kerja; dan/atau</li><li>• Perbelanjaan modal</li></ul> <p>Nota: Pembiayaan perlu digunakan untuk tujuan perniagaan dan tidak boleh digunakan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/ pembiayaan yang sedia ada.</p>
Saiz pembiayaan	Sehingga RM50 ribu bagi setiap perusahaan/ usahawan mikro
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	Ditetapkan oleh institusi kewangan peserta
Tempoh	Sehingga 5 tahun
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.

\* Warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia dengan pemegangan sekurang-kurangnya 51% dalam perusahaan mikro.

Untuk  
maklumat lanjut



Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta



Layari laman sesawang institusi kewangan peserta



[www.bnm.gov.my/covid19](http://www.bnm.gov.my/covid19)

BNM eLINK: <https://telelink.bnm.gov.my>



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



Dana BNM untuk PKS:  
**Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar**  
(*Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF*)

**Objektif**

Menyediakan bantuan dan sokongan pemulihan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan sejak bulan Jun 2020

**Ciri-ciri Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)**

Kriteria kelayakan	PKS* dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak bulan Jun 2020 (kecuali subsektor berkaitan dengan pelancongan) seperti: a) Perkhidmatan peribadi (cth. membaiki komputer/ barang isi rumah, dobi, dandanan rambut, kecantikan) b) Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman c) Aktiviti kesihatan manusia dan kerja sosial d) Seni, hiburan dan rekreasi e) Perdagangan borong dan runcit f) Perkhidmatan perniagaan (cth. aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan) Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas ( <i>Special Relief Facility, SRF</i> ), Pembiayaan PKS PENJANA ( <i>PENJANA SME Financing, PSF</i> ) dan Pembiayaan Pelancongan PENJANA ( <i>PENJANA Tourism Financing, PTF</i> ) tidak layak untuk memohon TRRF
Tujuan pembiayaan	Hanya untuk modal kerja
Saiz pembiayaan	• PKS: Sehingga RM500 ribu bagi setiap PKS • Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro Nota: Had pembiayaan di atas akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	Sehingga 3.5% setahun, termasuk yuran jaminan
Tempoh	Sehingga 7 tahun, dengan moratorium ke atas ansuran bulanan sekurang-kurangnya selama 6 bulan
Perlindungan jaminan	• PKS: 80% (0.5% yuran jaminan) • Perusahaan mikro: 90% (0.5% yuran jaminan) Institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC)/ Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.
Tempoh tamat permohonan	Sehingga 31 Disember 2021 atau peruntukan habis digunakan (mana yang lebih awal)

\* Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

Untuk maklumat lanjut



Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta



Layari laman sesawang institusi kewangan peserta



[www.bnm.gov.my/covid19](http://www.bnm.gov.my/covid19)

BNM eLINK: <https://telelink.bnm.gov.my>

Inisiatif:



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:



SJPP

**Dana BNM untuk PKS**  
**Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar**  
**Soalan Am Yang Sering Ditanya**

**Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TRRF merupakan kemudahan pembiayaan yang diwujudkan oleh BNM untuk memberikan bantuan dan sokongan pemulihan kepada PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan sejak bulan Jun 2020, kecuali subsektor pelancongan dan subsektor berkaitan pelancongan</li> </ul>
2.	Siapakah yang layak untuk memohon TRRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PKS<sup>1</sup> Malaysia dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak bulan Jun 2020 (kecuali subsektor pelancongan dan subsektor berkaitan pelancongan) seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perkhidmatan peribadi (cth. membaiki komputer / barang isi rumah, dobi, dandan rambut, kecantikan)</li> <li>b) Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman</li> <li>c) Aktiviti kesihatan manusia dan kerja sosial</li> <li>d) Seni, hiburan dan rekreasi</li> <li>e) Perdagangan borong dan runcit</li> <li>f) Perkhidmatan perniagaan (cth aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan)</li> </ul> </li> <li>• Penerima Kemudahan Bantuan Khas (<i>Special Relief Facility</i>, SRF), Pembiayaan PKS PENJANA (<i>PENJANA SME Financing</i>, PSF) dan/ atau Pembiayaan Pelancongan PENJANA (<i>PENJANA Tourism Financing</i>, PTF) tidak layak untuk memohon TRRF</li> </ul>
3.	Apakah jumlah pembiayaan dan tempoh maksimum bagi PKS dan perusahaan mikro dibawah TRRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM500,000 dan sehingga RM75,000 bagi perusahaan mikro.</li> <li>• Tempoh pembiayaan sehingga 7 tahun, dengan moratorium selama 6 bulan ke atas ansuran bulanan</li> </ul>
4.	Bilakah kemudahan ini boleh dipohon?	Permohonan untuk pembiayaan TRRF akan dibuka dari 1 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2021 atau dana habis digunakan, mengikut mana yang lebih awal

<sup>1</sup> Pegangan saham oleh warganegara Malaysia sekurang-kurangnya sebanyak 51% dan seperti yang takrifkan oleh SME Corp (mengikut Garis Panduan Mengenai Definisi PKS Kebangsaan yang dikeluarkan oleh SME Corp yang boleh diakses di [https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Guideline-SMEDefinition\\_updated.pdf](https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Guideline-SMEDefinition_updated.pdf))

5.	<p>PKS boleh memohon pembiayaan di bawah TRRF daripada bank mana?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PKS boleh menghubungi dan memohon pembiayaan TRRF daripada 21 institusi kewangan peserta:           <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad</li> <li>2) Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad</li> <li>3) Ambank (M) Berhad / AmBank Islamic Berhad</li> <li>4) Bangkok Bank Berhad</li> <li>5) Bank Islam Malaysia Berhad</li> <li>6) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)</li> <li>7) Bank Muamalat Malaysia Berhad</li> <li>8) Bank of China (Malaysia) Berhad</li> <li>9) Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)</li> <li>10) Bank Simpanan Nasional</li> <li>11) CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad</li> <li>12) HSBC Bank Malaysia Berhad / HSBC Amanah Malaysia Berhad</li> <li>13) Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank Berhad</li> <li>14) Malayan Banking Berhad / Maybank Islamic Berhad</li> <li>15) MBSB Bank Berhad</li> <li>16) OCBC Bank (Malaysia) Berhad / OCBC Al-Amin Bank Berhad</li> <li>17) Public Bank Berhad / Public Islamic Bank Berhad</li> <li>18) RHB Bank Berhad / RHB Islamic Bank Berhad</li> <li>19) Small Medium Enterprise Development Bank Berhad (SME Bank)</li> <li>20) Standard Chartered Bank Malaysia Berhad</li> <li>21) United Overseas Bank (Malaysia) Berhad</li> </ol> </li> </ul>
6.	<p>Bagaimana PKS dapat mengetahui bahawa mereka layak memohon untuk pembiayaan di bawah TRRF?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PKS yang layak dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan peserta untuk memastikan kelayakan mereka di bawah TRRF. Semua pemohon yang ingin mendapatkan pembiayaan akan tertakluk pada penilaian oleh institusi kewangan peserta</li> <li>• Penerima Kemudahan Bantuan Khas (<i>Special Relief Facility, SRF</i>), Pembiayaan PKS PENJANA (<i>PENJANA SME Financing, PSF</i>) dan/ atau Pembiayaan Pelancongan PENJANA (<i>PENJANA Tourism Financing, PTF</i>) tidak layak untuk memohon TRRF</li> </ul>
7.	<p>Adakah TRRF hanya ditawarkan kepada pelanggan institusi kewangan peserta yang sedia ada?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak, TRRF dibuka kepada semua PKS sama ada pelanggan baru institusi kewangan peserta atau pelanggan yang sedia ada selagi mereka merupakan PKS Malaysia yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh BNM dan lulus penilaian kredit institusi kewangan</li> </ul>

8.	Bolehkah PKS memohon TRRF untuk membaiki atau mengubah suai premis perniagaan yang didiami sekarang ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak. TRRF hanya untuk tujuan modal kerja</li> </ul>
9.	Bolehkah PKS memohon TRRF untuk membiayai semula pembiayaan yang sedia ada?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak. TRRF tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit/ pembiayaan yang sedia ada</li> </ul>
10.	Adakah PKS perlu menyediakan cagaran bagi mendapatkan pembiayaan di bawah TRRF?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah TRRF</li> </ul>
11.	Jika perniagaan saya tidak layak untuk memohon TRRF, apakah bantuan lain yang tersedia?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PKS yang menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman/ pembiayaan dinasihat supaya menghubungi institusi kewangan masing-masing untuk penjadualan semula dan penstrukturkan semula kemudahan pinjaman/ pembiayaan mereka yang sedia ada bagi membantu mengurangkan masalah aliran tunai mereka</li> <li>• PKS yang tidak layak memohon TRRF boleh memohon pembiayaan daripada kemudahan lain di bawah dana BNM untuk PKS (cth. Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (<i>All Economic Sector Facility</i>), Kemudahan Agromakanan (<i>Agrofood Facility</i>), Kemudahan Perusahaan Mikro (<i>Micro Enterprise Facility</i>), Pembiayaan Pelancongan PENJANA (<i>PENJANA Tourism Financing</i>) atau Kemudahan Automasi dan Pendigitalan PKS (<i>SME Automation and Digitalisation Facility</i>), atau produk pembiayaan lain untuk PKS yang ditawarkan oleh institusi kewangan. PKS juga boleh memohon melalui platform imSME<sup>2</sup>. Kelulusan untuk pembiayaan di bawah skim di atas adalah tertakluk pada kriteria kelayakan khusus bagi setiap skim dan penilaian oleh institusi kewangan peserta</li> <li>• Selain itu, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang memberikan bantuan khidmat nasihat dan panduan bagi meningkatkan kelayakan untuk pembiayaan akan datang serta sumber pembiayaan alternatif (<a href="http://www.myknp.com.my">www.myknp.com.my</a>)</li> </ul>
12.	Apakah yang boleh PKS lakukan sekiranya permohonan mereka bagi mendapatkan mana-mana pembiayaan di bawah kemudahan ini ditolak oleh institusi kewangan peserta?	<p>Jika permohonan ditolak, PKS dinasihat supaya melakukan perkara-perkara yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Dapatkan penjelasan daripada institusi kewangan peserta tentang alasan penolakan;</li> <li>b) Mempertimbangkan untuk menghantar semula permohonan melalui platform ImSME, jika PKS belum melakukannya sebelum ini;</li> <li>c) Dapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang memberikan bantuan khidmat nasihat dan panduan bagi meningkatkan</li> </ol>

<sup>2</sup> Platform rujukan pembiayaan/ pinjaman dalam talian PKS oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). Boleh diakses di <https://imsme.com.my/portal/en/>

	<p>kelayakan untuk pembiayaan akan datang serta sumber pembiayaan alternatif (<a href="http://www.myknp.com.my">www.myknp.com.my</a>); atau</p> <p>d) Salurkan pertanyaan atau aduan kepada BNM menerusi BNMTELELINK:</p> <p><u>Pusat Khidmat Pelanggan (BNMTELELINK)</u></p> <p>Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur</p> <p>Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Luar negeri: +603-2174-1717)</p> <p>Faks: +603-2174-1515</p> <p>Borang Web : <u>eLINK</u> (<a href="https://telelink.bnm.gov.my/">https://telelink.bnm.gov.my/</a>)</p> <p>SMS : 15888</p>

Bank Negara Malaysia  
Dikemas kini pada 1 Disember 2020